

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (MELAKA.NEGERI SEMBILAN)

TARIKH: 13 OGOS 2017

MUKA SURAT: 46



Abd Halim (depan dua, kiri) menerangkan kepada Abu Ubaidah (kiri) pelan cadangan kerja-kerja baik pulih runtuh cerun yang akan dilakukan di Taman Bukti.

RM1.5 juta selesaikan masalah runtuh cerun

SEREMBAN - Pihak berkuasa tempatan (PBT) mengeluarkan peruntukan besar sebanyak RM1.5 juta bagi menyelesaikan masalah runtuh cerun di Taman Bukti, Ampangan, di sini.

Exco Kemudahan Awam, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, Datuk Abu Ubaidah Redza berkata, kerja membabitkan pembinaan tembok konkrit penahan tebing sepanjang 300 meter di taman perumahan terbabit bagi mengelakkan kemungkinan kejadian tanah runtuh lebih besar berlaku.

"Kerja membabitkan pembinaan dinding *gabion* empat tingkat, se-

lain kerja saliran dan *backfilling and close turfing*.

"Kerja-kerja berkenaan mengikut cadangan juru perunding. Majlis Perbandaran Seremban (MPS) akan melantik kontraktor bagi menyegerakan kerja-kerja membaik pulih berkenaan," katanya ketika melakukan lawatan di lokasi runtuh cerun di taman perumahan berkenaan, semalam.

Hadir sama, Yang Dipertua MPS, Datuk Abd Halim Abd Latiff.

Abu Ubaidah yang juga Adun Ampangan berkata, dengan tindakan segera itu, boleh mewujudkan sistem penahan cerun lebih stabil serta

sistem perparitan lebih sistematik.

Sementara itu, Abd Halim berkata, sebelum ini berlaku kejadian runtuh cerun itu membabitkan belakang deretan enam buah rumah teres di Jalan Titiwangsa 1, di mana berpunca daripada aliran air sungai semula jadi kawasan terbabit.

"Runtuh ini menyebabkan beberapa struktur rumah mengalami keretakan dan mendapan tanah," katanya.

Beliau berkata, taman perumahan berkenaan sudah melebihi usia 20 tahun dan dipisahkan satu kawasan yang belum dibangunkan, iaitu anak sungai semula jadi.